

15 DEC 1997

LEAD Sidang-Asean

ASEAN GESA USAHA SEGERA SEJAGAT UNTUK MEMULIHKAN PASARAN MATA WANG

KUALA LUMPUR, 15 Dis (Bernama) -- Para pemimpin Asean hari ini menyarankan supaya usaha-usaha segera secara sejagat diadakan bagi menangani masalah kemerosotan nilai mata wang dan memulihkan kestabilan dalam pasaran mata wang.

Mereka menggesa negara-negara besar seperti Kesatuan Eropah, Jepun, Amerika Syarikat dan institusi kewangan antarabangsa supaya mengambil bahagian dalam usaha-usaha antarabangsa "untuk mengatasi keadaan ini secepat mungkin."

Dalam satu kenyataan khas yang dibacakan oleh pengerusi persidangan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selepas Sidang Kemuncak Tidak Rasmi Kedua Asean di sini, para pemimpin itu turut menggesa Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) bagi menyegerakan kajian yang sedang dilakukan mengenai operasi tabung lindung nilai dan "untuk mencadangkan penyelesaian bagi menstabilkan mata wang dengan segera".

Mereka menarik perhatian kepada nilai mata wang yang terus merosot walaupun langkah-langkah pembedahan telah diambil oleh negara-negara serantau dan nasihat IMF.

"Ini telah menyebabkan kemerosotan teruk dalam keadaan ekonomi negara-negara berkenaan, perniagaan dan rakyat mereka," kata pemimpin-pemimpin itu.

Para pemimpin itu turut menegaskan bahawa negara-negara Asean harus kekal bersatu dan menunjukkan keazaman dalam memberi tindak balas kepada cabaran yang wujud daripada keadaan mata wang sekarang.

Mereka pada masa yang sama menerima perjanjian menteri-menteri kewangan Asean terhadap pelaksanaan awal Rangka Kerja Manila bagi meningkatkan pengawasan serantau dan menyokong langkah-langkah untuk memperkukuhkan keupayaan IMF bertindak terhadap krisis kewangan itu.

Gesaan oleh pemimpin-pemimpin Asean itu menerima galakan daripada Presiden China Jiang Zemin yang membayangkan kesediaan China untuk memainkan peranan membantu menstabilkan keadaan kewangan.

"Hari ini terdapat keperluan yang lebih besar untuk memperkukuhkan kerjasama kewangan di Asia Timur. China telah mengambil satu pendekatan positif ke arah itu dan bersedia mengambil bahagian dalam perbincangan-perbincangan yang berkaitan," katanya dalam satu kenyataan pada sidang pertama para pemimpin Asia Timur di sini.

Persidangan itu yang dikenali sebagai Sidang Kemuncak Asean Campur Tiga, menghimpunkan pemimpin-pemimpin sembilan anggota Asean dan China, Jepun serta Korea Selatan. Ia diadakan selepas sidang kemuncak tidak rasmi kedua para pemimpin Asean.

China tidak terjejas dengan pergolakan kewangan yang telah menyebabkan Thailand, Indonesia dan Korea Selatan meminta bantuan berjumlah AS\$100 bilion daripada IMF.

Kebimbangan semakin meningkat terhadap senario yang bertambah buruk itu dan bantuan berkenaan mungkin tidak mencukupi untuk menstabilkan keadaan.

Para pemimpin Asean menyokong keputusan menteri-menteri kewangan mereka untuk membentuk Jawatankuasa Pilihan dengan sebuah sekretariat tetap, yang dibantu oleh Bank Pembangunan Asia, untuk bekerjasama rapat dengan agensi-agensi kewangan antarabangsa bagi membangunkan satu mekanisme pengawasan serantau.

Dalam kesibukan program hari ini, para pemimpin itu turut melancarkan satu rangka tindakan bagi masa depan yang dinamakan Wawasan 2020 Asean yang

berikrar menjadikan Asia Tenggara sebuah rantau ekonomi yang stabil dan makmur bagi penduduknya.

Mereka membayangkan rantau Asean untuk merealisasikan matlamat utamanya menjadi Zon Aman, Bebas dan Berkecuali seperti yang termaktub dalam Deklarasi Kuala Lumpur 1971.

"Asean akan, menjelang tahun 2020, mewujudkan sebuah Asia Tenggara yang aman dan stabil dengan setiap negara aman sentosa dan punca konflik dihapuskan melalui sikap akur terhadap keadilan dan peraturan undang-undang dan melalui pengukuhan ketahanan kebangsaan dan serantau," kata pemimpin-pemimpin itu dalam kenyataan wawasan setebal tujuh muka surat itu.

"Kita melihat Asean sebagai satu kuasa berkesan bagi keamanan, keadilan dan kesederhanaan dalam rantau Asia-Pasifik dan dunia," kata mereka.

Perdana Menteri Singapura Goh Chok Tong berkata telah dipersetujui bahawa Agenda Tindakan diwujudkan untuk "segera melaksanakan" kenyataan wawasan itu. Agenda Tindakan berkenaan akan diperakui pada sidang kemuncak Asean di Vietnam tahun depan.

Para pemimpin itu turut menyaksikan penandatanganan satu memorandum persefahaman untuk menubuhkan Yayasan Asean di Jakarta bagi menggalakkan pendidikan, latihan, kesihatan dan kebudayaan di kalangan negara-negara anggota.

MOU itu ditandatangani oleh Ali Alatas (Indonesia), Putera Mohamed Bolkiah (Brunei), Somsavat Lengsavad (Laos), Ohn Gyaw (Myanmar), Domingo Siazon (Filipina), S.Jayakumar (Singapura), Surin Pitsuwan (Thailand), Nguyen Manh Cam (Vietnam) dan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi (Malaysia).

Mereka juga menyaksikan penandatanganan "Protokol bagi Pelaksanaan Pakej Awal Komitmen di bawah Perjanjian Rangka Kerja Asean mengenai Perkhidmatan" oleh menteri-menteri ekonomi mereka.

Dr Mahathir turut melancarkan buku bergambar "Asean: One Region One Vision", (Asean-Satu Rantau Satu Wawasan) sempena memperingati ulangtahun ke-30 Asean.

Buku itu diterbitkan oleh Bernama, Agensi Berita Nasional Malaysia.

Dr Mahathir juga mengadakan jamuan malam memghormati lima penandatanganan Deklarasi Bangkok 1967 yang membawa kepada kelahiran pertubuhan Asia Tenggara.

Satu daripada dua penandatanganan yang masih hidup, bekas menteri luar Thai Tun Thanat Khoman, hadir untuk menerima anugerah "Asean Heads of Government Citation" (Ucapajasa Ketua-ketua Kerajaan Asean) itu.

Esok para pemimpin Asean akan mengadakan pertemuan berasingan dengan pemimpin China, Jepun dan Korea Selatan. -- BERNAMA

TM RON